
Teori Rap

Amir Othman
Farid Othman

Pendahuluan



Getaran- Pergerakan ulang-alik
Bunyi- Getaran yang boleh didengari manusia
Muzik - Susunan bunyi oleh manusia
Bahasa - Susunan bunyi suara manusia yang difahamii segilintir manusia(lebih dari dua)
Rap - Susunan bahasa bermuzik. Tekanan pada seni bahasa
Nyanyian - Susunan muzik berbahasa. Tekanan pada seni muzik

Kata kunci yang menilai kualiti sesuatu karya ialah berdasarkan mesej dan seninya.

Mesej - idea karyawan yang boleh bersifat:

- kukuh, tekanan kepada bahasa. Maksud kata-kata yang difahami
- abstrak tekanan kepada muzik. Perasaan sedih, marah, bahagia
- gabungan kukuh dan abstrak, tekanan kepada sastera. Kata-kata bercorak yang kadang-kadang kurang jelas maksudnya

Seni - penyusunan sesuatu *benda* yang dihargai oleh manusia

Benda, di sini boleh digantikan dengan apa sahaja yang kita mahu,

Misalnya;
seorang pemalu gendang yang menyusun bunyi untuk menghasilkan muzik,
seorang sasterawan yang menyusun kata-kata untuk menghasilkan penulisannya,
seorang pelukis yang menyusun bentuk-bentuk di atas kertas untuk menghasilkan lukisannya,
seorang pendekar yang menyusun gerak-gerinya untuk melawan musuh durjana.

Persamaan antara mana-mana karya seni yang unggul adalah apa yang hendak disampaikan oleh karyawan tersebut disampaikan dengan citarasa individu tersebut. Setakat ini, *genre hip hop* atau *RnB,* belum lagi dibincangkan. Ini supaya kita tidak terikat untuk berfikir yang kita perlu ikut citarasa orang lain. Misalnya, kalau kita ada rasa minat dengan rentak dan irama lagu tamadun asli Brazil, ceburilah genre muzik tersebut.

Dalam kata lain, buatlah apa yang kita suka, sebab sebenarnya ,apa sahaja gelaran yang diberi, rapper, pendekar, sasterawan; kita hanyalah bermain dengan penyusunan, dan dalam konteks muzik, penyusunan getaran.

"This not that"- John Baldessari, pelukis dan artis konsepsualis dari Amerika. Berdasarkan beliau, seni hanyalah satu pemilihan seseorang individu terhadap sesuatu; warna, bentuk dan lain lain. Ini, dan bukan itu. Misalnya untuk seseorang rapper yang sedang menulis rapnya, memilih perkataan berdasarkan apa yang nak disampaikan.

Rap

Dalam rap, seseorang perlu bermain dengan, bahasa, nyanyian dan muzik. Seolah-olah, jika kita lihat rajah diatas, seperti hendak mencairkan jurang antara kelompok-kelompok.

Muzik

Muzik dihasilkan oleh bunyi yang berkaitan. Kaitan bunyi dalam muzik boleh dibahagikan dari segi; melodi, harmoni, irama. Teori muzik boleh dikatakan sebagai ilmu menghubungkaitkan bunyi-bunyi yang berbeza.

Irama

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-Empat, irama membawa maksud; ukuran masa atau tempo Elemen irama merupakan elemen yang paling penting dalam muzik. Harmoni tidak boleh wujud tanpa melodi, manakala, melodi tidak boleh wujud tanpa irama. Namun, irama mampu berdiri sendiri tanpa elemen-elemen lain dalam sesuatu muzik. Contohnya, paluan kompang

sendiri, tanpa iringan nyanyian dan alat muzik lain, mampu di anggap sebagai muzik, tetapi hentaman kromo bunyi gitar misalnya yang tidak mengikuti rima boleh dianggap sebagai sampah :)

Penghasilan rap pula adalah berdasarkan fonetik atau semantik yang berkaitan. Dan inilah yang membezakan rap dan menyanyi. Bila seseorang menyanyi, dia menggunakan kotak suaranya untuk memanipulasi melodi, harmoni dan irama untuk menghasilkan muzik. Elemen-elemen yang digunakan untuk menghasilkan rap merupakan elemen-elemen yang sama dalam penghasilan lirik lagu, tetapi dalam rap, elemen-elemen ini lebih padat dan menonjol.

Sememangnya rap tidak dapat dipisahkan dari muzik, oleh itu memang banyak rapper-rapper yang menggabungkan elemen-elemen muzikal dalam penghasilan rap. Contohnya, rap dengan bermelodi atau menggunakan teknik layering untuk menghasilkan bunyi vokal yang harmoni.

Falsafah gaya bebas dalam seni

Gaya bebas

Dalam apa-apa jenis seni, teknik gaya bebas adalah merupakan teknik yang paling semula jadi untuk kita. Misalnya dalam seni visual, seorang budak lima tahun yang mahu melukis seekor gajah, akan menggunakan imaginasinya untuk melukis seekor gajah. Tidak ada silap atau salah (matematik tak mampu kira jumlah lukisan yang dipanggil gajah), malah, dia sendiri semasa melukis tak terlintas di kepala tentang mungkin, berapa sentimeter panjang ekor gajah, berapa darjah lengkungan gading gajah, berapa diameter hidung gajah dan lain-lain. Sebaliknya, budak itu lebih berfikir yang dia mahu lukis gajah yang bergading, comel dan sedang senyum.

Walaupun tidak cukup berpengalaman dan teori formal, kawan tadika kita itu berjaya menyampaikan mesej bahawa benda yang dilukisnya ialah seekor gajah. Ini kerana, kita, manusia, lebih senang menyampaikan mesej, (melalui lukisan untuk contoh budak tadika kita) benda abstrak seperti melukis orang lidi dengan skirt untuk tandas wanita.

Mesej

Yang paling penting ialah mesej yang hendak disampaikan sewaktu gaya bebas. Mesej dan erti hendaklah kuat didalam imaginasi, supaya walau apa cara, kebudak-budakkan atau matang atau professional, jelas disampaikan.

Misalnya, seorang rapper yang tidak puas hati dengan korupsi negaranya. Rasa marah dan benci dalam jiwanya hendaklah kuat, seolah-olah seperti itu lah benda yang paling penting dalam satu dunia. Pabila beat berkumandang, terkeluarlah hujah-hujah marah yang sangat tulen, mentah dan asli, seperti lukisan gajah budak tadika kita tadi. Seolah-olah dirasuk setan bahasa, kata-kata terkeluar dengan lancar dari mulut dengan mistiknya. Kadang-kadang berima (boleh diasah dengan latihan), kadang-kadang tidak, itu kurang penting sebab tujuan utamanya ialah untuk menyampaikan mesej.

Walaubagaimanapun, tidak bermaksud yang kita perlu benci sini sana. Sebaliknya, kita perlu sampaikan mesej yang memberi impak kepada kita, dan ini berdasarkan pengalaman dan minat seseorang individu tersebut.

Dalam dunia perfileman, kebanyakkan filem yang terulung adalah berdasarkan cerita sebenar. Sama jugak dalam dunia sastera, muzik,(...... contoh)

Kenapa penekanan terhadap mesej? Sebab seperti kawan kita tadi, kita, manusia, lebih senang untuk berfikir dengan benda-benda yang abstrak.

Latihan 0

Latihan ini tak ada salah silap (macam gajah), mahupun had masa. Memandangkan keabstrakkan topik-topik di bawah, latihan ini se-elok-eloknya di buat selama mungkin. misalnya langkah 1, kita boleh cerita pasal rasa marah kita dan berfikir lama(sehari, seminggu, seumur hidup) tentang apa yang mungkin membuatkan kita marah dalam kehidupan seharian. Jangan anggap ini sebagai satu latihan, tetapi lebih kepada satu konsep falsafah atau teropong luar untuk melihat masyarakat dan manusia sekeliling. Supaya mungkin satu hari nanti, kita dapat menyampaikan mesej yang rakyat jelata mungkin terlepas nampak.

1. Bercerita, berseorangan atau dengan kawan, tanpa beat, tanpa rentak atau apa-apa gangguan lain tentang mesej-mesej ini;
    a. Marah, benci, menyampah
    b. Kebahagiaan, ketenangan
2. Cari beat yang kena dengan tema. Dekat Internet ada belambak-lambak yang boleh dijumpai. Salah satu tempat yang aku selalu pergi adalah BeatConnexion (http://www.youtube.com/user/BeatConnexion). Cuba elakkan dari guna lagu rap

favourite versi intrumental. Ini adalah kerana, mungkin ada keberangkalian untuk kita meniru cara rapper lagu tersebut. Dengar beat, dan feel the beat. Menari gaya bebas; angguk kepala, uh uh, pejam mata atau lain-lain. Ini sangat penting untuk bagi dapat tangkap nyawa irama.
3. Cerita semula topik-topik yang diusulkan dengan beat dibelakang (tak perlu risau kalau tak sedap, atau tak berima). Rap sampai naik seh, lagha. Selagi enjoy jangan berhenti. Lagi elok kalau topik yang sama, supaya isi dia lebih mendalam.
4. Cari mesej-mesej yang bermakna dan berimpak dan ulang latihan ini sebanyak mungkin

Bahasa, ciptaan terulung manusia

Sebelum menyentuh falsafah gaya bebas, mari kita lihat proses pembelajaran bahasa dengan ringkas…..

Jangan takut dengan teori

Terdapat pelbagai cara penyusunan yang wujud sejak sejarah manusia, namun setiap individu **berhak dan layak** untuk menyusun bunyi-bunyi sebagai mana dia mahu, tanpa kira pengalaman.

Tidak ada silap salah dalam muzik. Teori-teori muzik(atau apa-apa bidang) baru tercipta apabila adanya pemuzik yang jahil dengan teori yang wujud.

Misalnya, bayangkan, jika kita dapat cari penulis lagu-lagu ritual bomoh melayu, ala-ala "Ulek Mayang" contohnya, cara menggubah dan mengarang lagunya sudah tentu bukan dengan menggunakan pertimbangan intelek, tetapi lebih berobjektif rohaniah. Namun tetapi, lagu-lagu sedemikian lah yang lebih berkuasa dan bakal kekal selama-lamanya
Pada zaman sekarang, ….(kita banyak pakai teori kapir)

Tujuan

Antara tujuan penulisan ini dihasilkan adalah supaya sesiapa yang ingin belajar rap, boleh ada panduan yang sistematik untuk berkenalan dengan seni ini. Selain dari itu, penulisan ini juga diharap dapat diguna sebagai panduan untuk seseorang rapper supaya dapat merekabentuk metodologi untuk berlatih rap dengan lebih effektif.

Penulisan ini juga boleh digunakan sebagai panduan untuk menganalisa rapper-rapper lain. Apa yang menyebabkan rangkap rapper ini lebih sedap dari yang lain? Dan apabila kita boleh menganalisa rangkap seseorang rapper dengan sistematik, kita dapat mempelajari teknik-teknik yang beliau guna. Dan ini sekali gus membolehkan dunia rap mengembang dan

terus berevolusi dengan sihat.

Lagu Latar Belakang

Walaupun rap boleh dilakukan secara akapela, adalah lebih seronok dan sistematik jika rap dilakukan dengan lagu latar belakang yang lebih dikenali sebagai beat. Beat yang minimalis sangat effektif untuk digunakan dalam latihan-latihan yang ada dalam penulisan ini. Break loops, merupakan beat yang boleh dikatakan memenuhi kriteria ini. Justeru, adalah amat dicadangkan untuk memuatturun break loops di The Sample (http://www.thesample.net). Pilih mana-mana break loop yang menyebabkan kepala terasa hendak tergoyang atau terhangguk dan mainkan dalam modus loop supaya break loop itu akan sentiasa berulang.

Irama Dalam Rap.

Dalam hasil pembikinan seni rap, irama boleh dikatakan elemen muzikal yang paling utama. Manipulasi irama atau cara seorang rapper bermain dengan irama boleh dilihat sebagai perkara yang membezakan deklimasi sajak dan rap. Dalam penghasilan irama yang menarik, seseorang rapper perlu faham hubung kait tempo, masa dengan elemen-elemen yang akan dibincangkan dalam penulisan ini.

Bila menulis rap, kata-kata yang diluahkan perlu lah masuk dengan rentak. Ini bukan bermakna setiap luahan itu perlu serentak dengan beat, tetapi, lebih kepada, setiap luahan itu ada kaitan dengan rentak beat. Setiap intonasi vokal perlu ada hubungkait dengan rentak beat. Pada peringkat awal, mungkin cara yang paling senang untuk membina kaitan ini adalah membuat intonasi yang serentak dengan beat. Tetapi, selepas beberapa latihan, seseorang rapper akan dapat memahami irama dengan lebih mendalam dan boleh memberanikan diri dengan bermain irama dengan kurang konservatif. Perkara ini datang dengan latihan, dan dengan membanyakkan penulisan atau freestyle.

Fonetik

Fonetik adalah cara menyebut seseuatu perkataan. Fonetik yang berkaitan akan menghasilkan kesan dimana telinga atau otak kita akan terasa benda yang didengarkan itu menarik. Perkara ini adalah lebih kurang sama dengan muzik. Setiap bunyi dalam muzik ada kaitan, telinga dan otak kita akan merasa bunyi tersebut menarik dan boleh memberi kesan-kesan yang berbeza.

Terdapat beberapa cara untuk menghasilkan kaitan antara dua perkataan dari segi fonetik. Cara-cara ini termasuklah:

1. Perkataan-perkataan yang berrima (pengulangan perkataan yang samada hujungnya,

tengahnya atau awalnya sama)
contoh:
lepak, sepak, nampak

2. Asonansi (pengulangan perkataan yang mempunyai penggunaan vokal yang sama)
contoh:
serupa, belukar, teruna

3. Aliterasi (perkataan yang mempunyai penggunaan konsonan yang sama)
contoh:
peranan, perenggan, piring

4. Pengulangan jumlah sukukata yang sama
contoh:
keterampilan, keterlaluan, songkokterjatuh

Seperti muzik, ada hubungan yang keras dan ada hubungan yang lembut (disonans dan konsonans). Hubungan yang keras bermaksud, bila dengar perkataan-perkataan itu disebut, kita akan terus sedar yang dua perkataan tersebut ada hubungan dari segi fonetik. Contoh utama adalah perkataan berrima yang mempunyai hujung yang sama. Contoh:
lopak,sepak
Contoh hubungan yang lebih lembut
hitam,kitab

Walaubagaimanapun, dengan menggunakan penekanan dan intonasi yang berbeza, hubungan yang lembut boleh jadi keras dan hubungan yang keras boleh jadi lembut. Dalam penghasilan rap, susunan hubungan-hubungan ini merupakan bahan-bahan asas untuk membina rap. Corak-corak yang dihasilkan dalam penyusunan hubungan-hubungan ini boleh menyebabkan sesuatu rangkap itu jadi padu, lembik, lemah, keras, membosankan dan lain-lain.

Setelah kita tahu jenis-jenis hubungkait antara fonetik perkataan, kita boleh susun perkataan-perkataan tersebut untuk menghasilkan corak. Secara tradisionalnya, pada hujung baris akan ada hubungan yang keras.

Latihan 1

Sebagai latihan, tulis dua ayat yang habis dengan perkataan yang berrima. Bilangan suku kata dalam kedua-dua ayat ini haruslah bersesuaian supaya bila break loop habis, ayat juga boleh habis disebut. Cuba sebutkan ayat ini supaya masuk dengan lagu latar belakang. Kalau tak cukup bilangan sukukata dalam ayat kita boleh gunakan beberapa cara untuk cukupkan;

1. Tukar dengan perkataan yang mempunyai lebih/kurang bilangan sukukata.
2. Semasa menyebut, gabungkan konsonan kalau terlebih sukukata atau panjangkan bunyi vokal kalau terkurang sukukata.
3. pandai-pandai gunakan kreativiti

Ini merupakan corak yang paling ringkas dalam penghasilan rap. Corak yang lebih kompleks boleh dihasilkan dengan menyusun hubungan-hubungan fonetik dengan lebih kompleks.

Latihan 2

Sebagai latihan, tuliskan satu rangkap (empat baris) yang mempunyai corak yang kreatif. Jangan sekatkan diri dengan hanya nak letak rima di hujung baris. Tanya diri sendiri soalan-soalan sebegini; Apa akan jadi kalau rima letak ditengah-tengah baris? Kenapa tak masuk? Macam mana nak masuk?

Semantik

Satu lagi dimensi rap yang sangat menonjol adalah penggunaan semantik untuk menghasilkan kesan-kesan yang menarik. Jika elemen fonetik berkait rapat dengan teori muzik, elemen semantik dalam penggubahan rap adalah berkaitan dengan kesusasteraan bahasa. Antara teknik-teknik yang sering diguna termasuklah;

1. Rujukan:
   - isu atau gossip semasa, pop culture (filem, sukan, tv, berita), bahan-bahan sastera dan lain-lain.
2. Elemen sastera:
   - simile, hiperbola, antonim, sinonim, peribahasa, perkataan-perkataan sukar dan lain-lain.

Latihan 3

Tulis satu rangkap yang mengandungi mana-mana jenis rujukan. Dan tulis satu lagi rangkap yang menggunakan mana-mana elemen sastera. Dan kedua-kedua rangkap ini perlu ada kesinambungan.

Penyusunan Lagu

Seperti kebanyakan penulisan yang lain, penyusanan lagu rap juga boleh dibahagi kepada tiga bahagian utama;
1. Pendahuluan
2. Isi
3. Penutup

Isi biasanya dibahagikan lagi kepada;
1. verse
2. korus

Dan biasanya diantara isi dan penutup adalah bridge dimana transisi berlaku dari isi dan penutup. Penyusunan lagu penting supaya ada kesinambungan tema sepanjang-panjang lagu. Pendengar boleh terasa sesat jika penyusunan lagu bercelaru. Sebagai penulis, kita kena pastikan yang pendengar dapat menerima apa yang kita nak sampaikan sebelum lagu habis.

Latihan 4

Tulis satu lagu yang mempunyai pendahuluan, isi dan penutup. Bilangan rangkap, tak releven. Seterusnya, cuba masukkan korus dengan mencari tempat mana korus sesuai dimasukkan.

Penutup

Sekarang, asas-asas rap sudah sepatutnya terlekat di lebuhraya maklumat dalam otak kita. Langkah seterusnya adalah untuk melakukan eksplorasi mengenai dunia rap, dan kebolehan diri sendiri untuk mengukir seni rap. Teori teramat penting dan naskah panduan juga amat berguna. Langkah yang paling terpenting mempelajari apa-apa bidang adalah bila kita boleh diri dengan kaki sendiri untuk meredah dunia ilmu itu tersebut.

Aku cadangkan mula-mula mungkin kita perlu rujuk buku teks atau wikipedia untuk mendapatkan definisi. Kemudian rujuk kepada lagu-lagu rap sendiri untuk dapatkan contoh. Lagi banyak contoh, lagi jelaslah konsep tersebut.

Berikut adalah beberapa elemen-elemen yang boleh dijadikan sebagai panduan kasar untuk meningkatkan keotaian rap.

- swing/groove
  apa itu swing? macam mana nak jadi lagi groovy? siapa rapper-rapper yang groovy gila-gila?
- rap atas beat yang bukan common time (4/4)
  apa itu common time? kesukaran apa yang akan timbul jika tak rap dalam common time?
- gaya bebas
  apa erti sebenar rap gaya bebas? apakah teknik supaya seseorang itu dapat berlatih gaya bebas? apa yang membezakan gaya bebas dan gaya tertulis?
- recording/production
  kenapa bunyi recording tak sedap? apa asas-asas production?
- cypher/battle
- double timing